



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 6 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	PSKS RANGKA PELBAGAI PROGRAM KESEDARAN BERKAITAN KANSER DI SABAH		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/01/05/psks-rangka-pelbagai-program-kesedaran-berkaitan-kanser-di-sabah/	SABAHMEDIA.COM	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	PEMINJAM, PENYEWA PREMIS MARA TERJEJAS BANJIR BOLEH MOHON PENJADUALAN SEMULA BAYARAN		POSITIF
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/peminjam-penyewa-premis-mara-terjejas-banjir-boleh-mohon-penjadualan-semula-bayaran-503323	ASTROAWANI.COM	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BAPA TUNGGAL GIGIH MEMBESARKAN BAYI SELEPAS KEHILANGAN ISTERI		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/05/bapa-tunggal-gigih-membesarkan-bayi-selepas-kehilangan-isteri/	KOSMO.COM.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JUAL ORANG LEBIH UNTUNG DARIPADA DADAH		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/05/jual-orang-lebih-untung-daripada-dadah/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/05/lima-negara-jual-orang-jadi-scammer/	KOSMO.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
ISNIN, 6 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI






LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Jual orang lebih untung daripada dadah	2
Bapa tunggal gigih membesarkan bayi selepas kehilangan isteri	1
Peminjam, penyewa premis MARA terjejas banjir boleh mohon penjadualan semula bayaran	1


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Tanggungjawab pembangunan pendidikan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan perlu dipikul bersama agensi kerajaan, bukan kerajaan, sekolah.</u>	1
<u>Mangsa warga emas ditemui 17 batu nautika dari lokasi terjatuh</u>	5
<u>Cemburu dikenal pasti sebagai motif pembunuhan seorang wanita warga Indonesia berusia 39 tahun</u>	3

TAJUK TOPIK UTAMA




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is -4 points compared to the previous period.

Analyzed 465 mentions


- 113 with positive sentiment
- 118 with neutral sentiment
- 234 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Jual orang lebih untung daripada dadah
- Bapa tunggal gigih membesarkan bayi selepas kehilangan isteri
- Peminjam, penyewa premis MARA terjejas banjir boleh mohon penjadualan semula bayaran



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

BAPA TUNGGAL GIGIH MEMBESARKAN BAYI SELEPAS KEHILANGAN ISTERI LIPUTAN BERITA

- o PETALING JAYA – Kisah seorang bapa tunggal yang tabah membesarkan anak kecilnya selepas kehilangan isteri telah menyentuh hati ramai netizen.
- o Menerusi satu hantaran di Facebook oleh Azhar Zainudin, lelaki tersebut dilihat menolak motosikalnya yang kehabisan minyak di tepi jalan sambil mendukung seorang bayi yang dianggarkan berusia tiga bulan.
- o Azhar yang kebetulan melalui kawasan itu segera memberhentikan motosikalnya untuk membantu, lalu lelaki tersebut berkongsi kisah hidupnya.
- o “Dia memberitahu bahawa isterinya meninggal dunia beberapa bulan lalu, dan sejak itu dia menjadi satu-satunya penjaga kepada anak kecilnya. Lebih menyedihkan, dia juga kehilangan pekerjaan sebagai pemandu kerana sering mengambil cuti demi menjaga bayi tersebut,” tulis Azhar dalam hantaran itu.

CADANGAN

Peningkatan Akses kepada Perkhidmatan Menyediakan platform dalam talian yang memudahkan bapa tunggal mendaftar untuk bantuan dan sokongan, serta mendapatkan maklumat mengenai hak dan kemudahan yang tersedia. Cadangan ini bertujuan untuk memberi sokongan holistik kepada bapa tunggal, memperkasa mereka sebagai penjaga utama, dan memastikan kebajikan anak-anak terjamin.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



Kisah seorang bapa tunggal yang tabah membesarkan anak kecilnya selepas kehilangan isteri telah menyentuh hati ramai netizen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



PSKS rangka pelbagai program kesedaran berkaitan kanser di Sabah

By editor02 January 5, 2025



Kota Kinabalu : Persatuan Sukarelawan Kanser Sabah (PSKS) akan terus merangka dan melaksanakan pelbagai program kesedaran berkaitan kanser di seluruh negeri Sabah.

Pengerusi Biro Wanita PSKS, Nur Nazlin Abdullah@Carol Salag berkata, menerusi program yang dirancang ianya akan dapat membantu lebih ramai individu yang terkesan kerana terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dengan penyakit kanser.

"Pada program kali ini, PSKS telah berjaya mengumpul dana hampir lebih RM100,000 untuk disalurkan bagi membiayai kos pengendalian Rumah Pesakit Kanser (RPK) yang terletak di Kingfisher, Likas.



"Saya percaya bahawa setiap bantuan yang kita huluskan adalah tanda kasih sayang kita kepada mereka yang sedang berjuang. Secara realitinya saya tahu betapa sukarnya perjalanan seorang pesakit kanser dan keluarga mereka, dari segi emosi, fizikal dan juga kewangan.

"Kehilangan anak tercinta iaitu Muhammad Haqem Eduine akibat kanser gastrik pada 19 Julai lepas amat perit bagi saya, tetapi ia juga membakar semangat untuk terus berjuang melalui persatuan ini," katanya.

Beliau yang juga pengerusi penganjur program berkenaan berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Makan Malam Amal PSKS 2025 di sini semalam.

Majlis tersebut disempurnakan Isteri Ketua Menteri Sabah, Datin Seri Juliah Salag merangkap Yang Di-Pertua Mutiara GRS.



Dalam pada itu, Presiden PSKS, Julianah Kurutung berkata, rumah PSKS diwujudkan untuk memberikan tempat tinggal kepada pesakit kanser dari luar bandar yang menjalani rawatan jangka panjang di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS).

"RPK beroperasi sejak 1 Januari 2023 menyediakan bilik untuk 5 pesakit dan seorang pengiring masing-masing.

"Secara keseluruhan, PSKS telah berjaya melaksanakan program-program seperti ceramah kesedaran penyakit kanser oleh panel penceramah PSKS iaitu Dr Rizin Kusup dan doktor-doktor daripada Jabatan Kesihatan yang berdekatan tempat program diadakan di Sabah.

"Di samping itu, menyalurkan subsidi mamografi dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi pengesanan awal kanser payudara dan kanser serviks," katanya.

Beliau juga memaklumkan PSKS telah bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Jabatan Kesihatan dalam memberikan suntikan vaksin HPV.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Peminjam, penyewa premis MARA terjejas banjir boleh mohon penjadualan semula bayaran

Bernama
05/01/2025 21:30 MYT



Ahmad Zahid ketika ditemui pemberita selepas merasmikan pembukaan Quali Cafe@UKM di Bangunan Pusanika UKM hari ini. - Gambar Bernama

BANGI: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui agensinya, Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan memberi bantuan sokongan kepada peminjam dan penyewa yang terjejas akibat banjir termasuk penjadualan semula bayaran pinjaman.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata bagaimanapun setakat ini MARA belum menerima sebarang permohonan daripada mana-mana mangsa banjir untuk menjadualkan semula pembayaran pinjaman mereka.

"Setakat ini tidak ada rekod yang memperlihatkan bahawa ada rayuan daripada peminjam MARA yang terjejas banjir memohon atau merayu agar ada penangguhan pembayaran tersebut.

"Jika ada permohonan berkenaan, pihak pengurusan MARA akan meneliti dan mengadakan perbincangan dengan pemohon berkenaan untuk melakukan penjadualan semula," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Quali Cafe@UKM di Bangunan Pusanika Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Bagi penyewa premis MARA pula, beliau berkata agensi itu juga akan menilai kes berkenaan secara individu untuk memastikan mereka tidak menanggung kerugian akibat bencana tersebut.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara berkata kerajaan akan memberi peluang kedua kepada individu yang tidak menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran ke institusi TVET.

Beliau berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Majlis TVET Negara dan Kementerian Pendidikan bagi mengenal pasti individu berkenaan untuk mengikuti kursus yang diminati melalui TVET.

"Pada 2023 terdapat lebih 10,160 individu tidak menduduki SPM dan jumlah hampir sama dijangka berlaku pada 2024.

"Permohonan memasuki satu daripada 1,398 institusi TVET yang diselenggarakan di seluruh negara boleh dibuat melalui platform UP_TVET untuk individu tersebut membuat pilihan kursus dan institusi yang sesuai dengan minat mereka," katanya.

Baru-baru ini dilaporkan peratusan kehadiran calon SPM 2024 mencecah 97 peratus setakat 2 Jan dan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata kementerianya masih dalam proses mengemas kini memandangkan terdapat kira-kira 10,000 calon yang belum mengesahkan kehadiran.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa tunggal gigih membesarkan bayi selepas kehilangan isteri

Oleh NORISMA NAJWA CHE ISMAIL 5 Januari 2025, 3:14 pm



Kisah seorang bapa tunggal yang tabah membesarkan anak kecilnya selepas kehilangan isteri telah menyentuh hati ramai netizen.

PETALING JAYA – Kisah seorang bapa tunggal yang tabah membesarkan anak kecilnya selepas kehilangan isteri telah menyentuh hati ramai netizen.

Menerusi satu hantaran di Facebook oleh Azhar Zainudin, lelaki tersebut dilihat menolak motosikalnya yang kehabisan minyak di tepi jalan sambil mendukung seorang bayi yang dianggarkan berusia tiga bulan.

Azhar yang kebetulan melalui kawasan itu segera memberhentikan motosikalnya untuk membantu, lalu lelaki tersebut berkongsi kisah hidupnya.

“Dia memberitahu bahawa isterinya meninggal dunia beberapa bulan lalu, dan sejak itu dia menjadi satu-satunya penjaga kepada anak kecilnya. Lebih menyedihkan, dia juga kehilangan pekerjaan sebagai pemandu kerana sering mengambil cuti demi menjaga bayi tersebut,” tulis Azhar dalam hantaran itu.

Lelaki itu turut berkongsi bahawa usahanya mendapatkan bantuan daripada pihak yang berwajib sering menemui jalan buntu.

“Pada hari pertama, saya diminta menyediakan dokumen. Hari kedua, saya datang semula dengan dokumen lengkap, tetapi diminta membawa bayi sebagai bukti. Hari ketiga, saya diberitahu pegawai yang bertanggungjawab bercuti,” katanya.

Azhar tersentuh dengan pengorbanan lelaki tersebut, menghulurkan bantuan dengan mengisi minyak motosikalnya dan memberikan sedikit sumbangan kewangan.

“Dia mengucapkan terima kasih dengan wajah penuh kesyukuran sebelum berlalu pergi ke rumahnya di Seksyen 7, Bangi. Kisahnya membuat saya terfikir betapa besarnya ujian hidup yang perlu ditanggung seorang bapa tunggal ini,” katanya. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jual orang lebih untung daripada dadah

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI 5 Januari 2025, 9:05 am



ANTARA: mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang berjaya diselamatkan dari Myanmar dan Vietnam pada April tahun lalu. - FAISOL MUSTAFA

PETALING JAYA – Aktiviti pemerdagangan manusia kini menjadi lubang kepada sindiket antarabangsa untuk meraih keuntungan lumayan dengan cara memperdaya dan memanipulasikan mangsa sebelum mereka dijadikan 'hamba'.

Pelbagai taktik dilakukan oleh sindiket ini termasuk menerusi iklan pekerjaan palsu, ancaman dan ugutan selain mengeksploitasi golongan terdesak yang mahu mendapatkan gaji besar seperti orang muda dan orang miskin.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim berkata, sehingga kini ribuan rakyat tempatan terperangkap dan menjadi hamba sindiket di beberapa negara termasuk Laos, Kemboja, Filipina dan Dubai di Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Bagaimanapun, pangkalan terbesar sindiket ini ialah di Myanmar.

Katanya, pihak scammer sanggup membayar sindiket pemerdagangan manusia sekitar AS\$5,000 (RM22,000) bagi setiap individu yang berjaya dibawa ke wilayah Myanmar untuk menjadi 'hamba'.

Beliau berkata, antara lokasi pemerdagangan manusia yang terkenal di Myanmar ialah di Myawaddy, KK Garder, Laukkiong dan paling ketat dikawal ketika ini adalah Tai Chung.

Katanya, penambahan wilayah baharu itu menyebabkan sindiket perlu merekrut lebih ramai pekerja baharu termasuk dari Malaysia.



Hishamuddin

"Saya boleh katakan ketika ini masih ada ribuan rakyat Malaysia yang terperangkap di sana (Myanmar). Walaupun kita tiada angka tepat, tetapi berdasarkan aduan dan mangsa yang pernah kita selamatkan, mereka beritahu ramai rakyat Malaysia masih berada di sana.

"Kebanyakan wilayah scammer ini juga dikawal ketat oleh 'askar upahan' dan amat sukar untuk ditembusi oleh mana-mana individu termasuk pihak berkuasa negara lain ataupun NGO.

"Salah satu cara untuk masuk ke sana adalah dengan bantuan 'orang dalam' yang terdiri daripada rakyat tempatan dan bekas pihak berkuasa di negara tersebut.

"Mereka inilah yang banyak membantu MHO dalam setiap urusan menyelamatkan mangsa yang terperangkap di Myanmar," katanya yang memberitahu kebanyakan mangsa berusia 30 tahun ke bawah.

Hishamuddin berkata, 'industri' scammer ini juga telah menjadi satu perniagaan baharu kepada penjenayah kerana pendapatannya itu sangat menguntungkan berbanding terlibat dalam pengedaran dadah. Ini kerana katanya, risiko sindiket penipuan adalah rendah, namun pendapatannya amat lumayan berbanding dadah.

"Apa yang sindiket utamakan adalah pendapatan yang lebih tinggi. Berbanding dadah, hukuman jenayah itu juga cukup berat. Jadi pihak berkuasa perlu mengubah dimensi penguatkuasaan mereka kepada sindiket ini kerana dadah bukan lagi sindiket nombor satu negara.

"Sebab kebanyakan laporan polis yang diterima ketika ini juga adalah melibatkan sindiket penipuan. Sebagai contoh pihak JSJK (Jabatan Siasatan Jenayah Komersial) merekodkan jumlah kerugian melibatkan rakyat tempatan adalah sebanyak RM4.5 bilion pada tahun ini sahaja.

"Bagaimanapun, jumlah kerugian ini tidak sampai 30 peratus daripada nilai kerugian yang sebenar dialami mangsa kerana ramai mangsa yang tidak membuat aduan kepada pihak berkuasa," katanya.

Kata beliau, berdasarkan laporan Gagalog yang membangunkan aplikasi antipenipuan digital, jumlah sebenar kerugian yang dialami rakyat Malaysia lebih AS\$12.8 bilion (RM57.6 bilion) setahun.

"Ketika saya menghadiri satu seminar bersama NGO yang membuka tempat perlindungan (mangsa pemerdagangan manusia) di Mae Sot, Thailand, ada pengerusi sebuah NGO mendedahkan bahawa sindiket scammer ini memperoleh pendapatan sebanyak AS\$3 trilion (RM13.5 trilion) setahun.

"Jumlah ini cukup besar dan ia tidak mampu dicapai oleh mana-mana sindiket termasuk sindiket dadah. Sebab itu kita lihat di Myanmar pada tahun 2021 hanya ada 30 scam compound center atau di panggil wilayah scammer, tetapi pada tahun ini jumlah itu bertambah sehingga 70 kawasan.

"Malah jumlah ini akan makin bertambah dan ada maklumat mengatakan terdapat wilayah-wilayah baharu sedang dalam pembinaan dan akan beroperasi dalam masa terdekat," katanya.